

## Memelihara Maruah Saudaranya

Daripada Abu al-Darda' RA, bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda:

مَنْ رَدَّ عَنْ عِرْضِ أَخِيهِ بِالْغَيْبِ رَدَّ اللَّهُ عَنْ وَجْهِهِ النَّارَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang menolak (mempertahankan) kehormatan dan maruah saudaranya di belakangnya, nescaya Allah akan menolak wajahnya dari api neraka pada hari kiamat.”

Riwayat al-Tirmizi (1931) dan menganggapnya hasan

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini mengajar kepada kita supaya mempertahankan saudara kita, kerana orang Islam adalah saudara orang Islam yang lain. Yang demikian tiadalah boleh dizalimi atau dibiarkannya dalam keadaan tertindas dan dicarik maruahnya. Sebaliknya, wajib menghormati dan memelihara maruahnya. Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang lain menegaskan:

أَنْصُرُ أَخَاكَ ظَالِمًا أَوْ مَظْلُومًا، قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْصُرُهُ مَظْلُومًا، فَكَيْفَ أَنْصُرُهُ ظَالِمًا؟ قَالَ: تَمْنَعُهُ مِنَ الظُّلْمِ فَذَلِكَ نَصْرُكَ إِيَّاهُ

**Maksudnya:** “Tolonglah saudara engkau yang berbuat zalim atau yang dizalimi. Ia berkata: Ya Rasulullah! Aku pernah menolong orang yang dizalimi maka bagaimana agaknya aku hendak menolong orang yang zalim? Baginda bersabda: Engkau tegah dia dari melakukan kezaliman, maka yang demikian itu bererti engkau menolong akan dia.”

2. Dalam hadis yang lain Rasulullah SAW pernah bersabda, mafhumnya: *“Bahawa barangsiapa yang tidak mahu menolong seorang mukmin yang sedang dihina orang di sisinya, sedangkan dia mampu menolongnya, nescaya akan dihinakan dia oleh Allah di tengah-tengah khalayak ramai pada hari kiamat. Sebaliknya pula, orang yang menolong saudaranya dengan cara yang tersembunyi dalam perkara yang ia dapat menolongnya, nescaya Allah akan menolongnya di dunia dan akhirat.”*
3. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, *maruah* ialah *kehormatan diri dan harga diri*. Ia juga disebut sebagai *sifat lelaki, keberanian dan kegagahan*. *Orang yang bermaruah ialah orang yang mempunyai maruah*.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Buatlah kebaikan dan berbaktilah kepada orang lain, jangan diam menyendiri sebab ia merupakan sumber kesengsaraan. Semua bentuk kesukaran, kesedihan dan keduakaan itu akan lenyap ketika anda berkumpul bersama keluarga anda dan orang ramai serta melakukan kebajikan untuk mereka.
- ❖ **Pujangga berkata:** Empat perkara yang mendatangkan kebahagiaan: Buku yang mendatangkan manfaat, anak yang baik, isteri yang disayangi dan sahabat yang soleh. Sesungguhnya Allah memiliki ganti untuk semua itu.

### Kisah Teladan

Ibn Mubarak mempunyai seorang jiran tetangga berbangsa Yahudi. Dia selalu memberi makan kepada orang Yahudi itu terlebih dahulu sebelum memberi makan kepada anak-anaknya. Begitu juga dalam hal pakaian dan lain-lain. Suatu hari, orang-orang yang berada di sekitarnya berkata: Juallah rumahmu kepada kami. Yahudi itu berkata: Baik, tetapi rumahku itu berharga dua ribu dinar, seribu dinar harganya dan seribu dinar lagi kerana berjiran dengan Ibn Mubarak. “Ketika Ibn Mubarak mendengar hal itu, ia pun berkata, Ya Allah, tunjukkanlah ia ke jalan Islam.” Akhirnya, orang Yahudi tersebut masuk Islam atas izin Allah SWT.

Ketika Ibn Mubarak pergi bersama rombongan, ia melihat seorang wanita mengais sisa-sisa makanan dari tempat pembuangan sampah. Lalu, sambil berlinangan air mata, wanita itu berkata: Kami tidak mempunyai apa-apa selama tiga hari kecuali apa yang kami ambil dari tempat pembuangan sampah.

Mendengar hal itu, Ibn Mubarak membahagikan bekalan hajinya yang akan dilaksanakan tahun itu. Dalam mimpinya, ia melihat orang-orang mengatakan kepadanya: Semoga menjadi haji yang mabrur dan semoga dosamu diampunkan. Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ تَبَوَّءُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِنْ قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أُوتُوا وَيُؤْتُونَ عَلَى أَنْفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

**Maksudnya:** Dan mereka mengutamakan (orang-orang Muhajirin) atas diri mereka sendiri. Sekalipun mereka mermelukan apa yang mereka berikan itu. Dan siapa yang dipelihara dari kekikiran dirinya, mereka itulah orang-orang yang beruntung.

(Surah al-Hasyr: 9)